

PENGAMALAN ETIKA ISLAM DALAM PERUBATAN: KUPASAN PRINSIP HUKUM DAN MAQASID SYARIAH

*(The Practice of Islamic Ethics in Medicine: Discussion of
Legal Principles and Maqasid Syariah)*

Hasan Ahmad,¹ Khosenulhan Ab Rahman² & Mansor Sulaiman²

¹ Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah, Kuantan, Pahang.

E-mel: hasanahmad@ump.edu.my.

² Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan
Abdullah, Kuantan, Pahang.

ABSTRAK

Etika merupakan salah satu konstruk penting dalam kehidupan manusia bagi menjamin keharmonian hubungan sesama makhluk yang berterusan. Ia bukan sahaja menyentuh hubungan manusia bahkan termasuk alam sekitar serta lain-lain kehidupan sejagat. Etika bermaksud nilai yang mendasari sesuatu perlakuan atau perubatan semasa kita berinteraksi antara satu sama lain. Dalam sektor perubatan, etika merupakan suatu set perilaku yang amat penting untuk diamalkan bagi tujuan memberikann khidmat terbaik kepada setiap pesakit yang dirawat. Doktor perubatan mestilah mengamalkan etika yang terbaik sepanjang masa tempoh rawatan sehingga selesai. Kertas kerja ini akan membincangkan prinsip-prinsip hukum dalam kaedah perubatan Islam dan seterusnya membincangkan teras maqasid syariah dalam menentukan bagaimana elemen-elemen etika Islam dapat disesuaikan dengan konsep dunia perubatan terkini yang sedia ada. Umum mengetahui bahawa elemen etika Islam sering diamalkan, namun ia tidak bermakna etika tersebut dipandu oleh pendekatan yang islamik serta berintegriti khususnya ketika membuat diagnosis ke atas pesakit sama ada lelaki atau wanita.

Metodologi kajian ini berpandukan kepada rujukan-rujukan yang berteraskan Islam melalui buku-buku klasik dan moden serta artikel jurnal yang berkaitan. Analisis akan dibuat berdasarkan pandangan-pandangan Islam, namun akan mengambil kira pandangan Barat dan moden dalam elemen etika perubatan moden masa kini. Secara keseluruhan, terdapat amalan etika bercirikan Islam yang diamalkan oleh para doktor perubatan di negara ini. Walau bagaimanapun, ia mestilah berdasarkan kepada maqasid syariah yang bertepatan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Kata kunci: Etika Islam, perubatan, pengamalan, maqasid syariah, prinsip hukum

ABSTRACT

Ethic is one of the important constructs in human life to ensure the harmonious relationships between fellow beings. It not only encompasses human relationships but also extends to the surrounding environment and other universal aspects of life. Ethic refers to the values that underlie a particular behaviour or treatment when we interact with one another. In the medical sector, ethic is a crucial set of behaviours that must be practised to provide the best service to every patient being treated. Medical practitioners must adhere to the best ethical practices throughout the treatment process until its completion. This paper will discuss the principles of law in Islamic medical methods and further explore the core objectives of syariah (maqasid syariah) in determining how Islamic ethical elements can be aligned with existing concepts in contemporary medical practice. Although it is known that Islamic ethical elements are often practised, it does not necessarily mean that these ethics are guided by an Islamic and integrative approach, especially when diagnosing patients, whether male or female. This research methodology focuses on Islamic-based references through classical and modern books, as well as relevant journal articles. The analysis will be based on Islamic perspectives but will take into account Western and modern views on ethical elements in current medical practices. Overall, there are Islamic-characterised ethical practices

adopted by medical practitioners in this country, but they must be based on maqasid syariah that is aligned with true Islamic teachings.

Keywords: *Islamic ethics, medicine, practices, maqasid syariah, legal principles*

PENDAHULUAN

Etika, menurut perspektif Islam merujuk kepada kelakuan, adab, sifat dan tindakan yang dilaksanakan oleh seseorang individu bagi memperoleh kualiti hidup yang tinggi (Husin, W. N. W., & Norhasniah, W. 2012). Selain sifat-sifat di atas, menurut kajian yang dilakukan oleh Rahman Fazlur (1983), ia melibatkan empat aspek lain yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis berupa perkataan dan perbuatan Nabi Muhammad SAW iaitu sifat-sifat berasaskan konsep Islam, Iman, Takwa dan Ihsan.

Merujuk kepada etika Islam sebagai mana menurut Dr. Arafah, (2006), bahawa Islam secara praktikalnya; “menyerahkan diri kepada Tuhan” melalui ketaatan kepada perkara yang diwahyukan kepada manusia seperti taat, tunduk, patuh, dan berserah diri kepada Allah. Ketaatan tersebut akan diikuti dengan perbuatan atau amalan yang berasaskan ajaran para nabi dan rasul. Ini bermakna iman dan amalan ialah amalan soleh dalam kalangan umat Islam itu sendiri.

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

*“Sesungguhnya, agama di sisi Allah
hanyalah Islam.”*

Oleh itu, benarlah penjelasan bahawa Islam ialah agama yang akan membentuk umatnya menjadi seorang manusia yang menuju ke arah kesejahteraan terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat hatta negara. Mengamalkan konsep Islam akan menjamin tingkah laku manusia sentiasa berada dalam kawalan etika yang betul tidak kira di mana ia berada. Firman Allah SWT dalam surah Al-Qalam ayat ke-4 seperti di bawah ini:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

*“Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi
pekerti yang luhur”.*

(Al-Qalam; ayat 4)

Etika Islam tidak hanya bersifat taat, tunduk, patuh, serta berserah diri kepada Allah, tetapi juga ia hendaklah mempunyai keyakinan yang kukuh kepada Allah dan rasul-Nya. Hal ini demikian kerana iman itu kalimah yang bermaksud “rasa selamat atau aman”. Kalimah iman juga membawa pengertian bahawa ia merupakan satu keyakinan kepada Allah SWT dan rasul-Nya serta alam akhirat. Mereka yang taat kepada Allah SWT, rasul dan alam akhirat di samping melakukan kebaikan seperti yang dituntut oleh al-Quran dan hadis rasul dianggap sebagai orang beriman. Kepercayaan tersebut bermula dari hati dan boleh diukur dengan tindak-tanduk serta tingkah laku kehidupan seseorang.

Ini turut disokong oleh Hadis nabi yang menerangkan bahawa akhlak menjadi keutamaan baginda Rasulullah SAW seperti mana yang disabdakan dalam sahih Bukhari:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

*“Sesungguhnya aku telah diutus kepadamu hanya
bagi menyempurnakan akhlak yang mulia”*

(Riwayat Imam al-Bukhari)

KONSEP TAKWA

Bagi mengukuhkan lagi amalan etika Islam, tidak lengkap jika tidak disertakan dengan rasa takwa kepada Allah. Takwa membawa makna atau maksud “melindungi dan memelihara”.

Dalam pengertian lain, takwa bermaksud “melindungi diri daripada kemungkinan bahaya atau serangan”. Ini juga bermaksud “berhati-hati”. Al-Quran menggunakan perkataan ini sebagai kalimah akhlak yang menggalakkan manusia berwaspada terhadap kerosakan akhlak. Dalam Al-Quran, terdapat 242 kosa kata “Takwa” dalam 81 ayat, antaranya tentang anjuran dan

perintah agar bertakwa seperti mana yang dinyatakan menerusi surah at-Taubah ayat ke-119:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah SWT serta bersama-samalah kamu dengan mereka yang benar”

(at-Taubah: ayat119)

Firman Allah SWT melalui ayat ini, menjelaskan bahawa orang-orang yang beriman dan bertakwa ialah mereka yang mempunyai akhlak sempurna. Menerusi akhlak, ia memperlihatkan sifat sebenar dalam tingkah laku dan setiap gerak kerja yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, takwa merupakan akhlak yang disebut dalam al-Quran yang menganjurkan seseorang untuk menjauhi perkara yang dilarang kerana sesuatu yang dilarang itu adalah bersifat meragukan. Takwa ialah istilah yang sangat komprehensif dan berfungsi untuk membentuk jiwa seseorang kepada tingkah laku atau akhlak yang membezakan antara yang betul dan salah.

Seseorang individu berpegang teguh kepada ketakwaan akan mempamerkan sebaik-baik tingkah laku. Melalui takwa, matlamat organisasi boleh dicapai kerana tingkah laku positif dalam kalangan pekerja yang memastikan mereka tidak terlibat dalam tingkah laku negatif (Sulaiman, M., & Bhatti, O. K. 2013). Terdapat beberapa bentuk tingkah laku negatif, yang mana penyelewengan di tempat kerja adalah salah satu tingkah laku yang paling kerap dikaji. Penyelewengan di tempat kerja ialah tingkah laku yang menentang dan melanggar peraturan norma sesuatu organisasi (Griffin & Lopez, 2005). Oleh itu, takwa merupakan antara sifat mulia yang harus dimiliki oleh seorang Muslim. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ

“Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang Muttaqin.”

(At-Tubah 9)

KONSEP IHSAN

Etika Islam akan lebih bermakna sekiranya individu yang bertakwa dan beriman sentiasa konsisten serta melaksanakan sifat Ihsan dalam kehidupan seharian mereka. Mengamalkan sifat Ihsan bermakna seseorang itu menggambarkan dirinya yang menyembah Allah SWT dan merasakan seolah-olah berhadapan dengan-Nya atau membayangkan bahawa sesungguhnya Allah SWT melihat perbuatannya. Perasaan tersebut selaras dengan maksud perkataan Ihsan iaitu “Allah mengasihi”. Ia sejajar dengan dapatan yang menunjukkan bahawa perkataan ihsan didapati sebanyak enam belas kali dalam dalam al-Quran. Lima daripada ayat-ayat tersebut menyebut “*Muhsinin*” atau mereka yang mengamalkan ihsan.

Ia sebagai kemuncak dalam etika Islam yang bermaksud “sesuai” sebagai konsep perasaan cinta kepada Allah SWT. Selain itu, ia membawa maksud bahawa penyerahan diri seseorang kepada Allah SWT dengan penuh ikhlas. Maka, konsep Ihsan merangkumi bukan sahaja menjunjung hubungan positif dengan Allah SWT, tetapi juga perbuatan dan kelakuan sesama manusia, termasuk duniawi dan ukhrawi. Ini seperti sabda Rasulullah SAW:

وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

*“Sesungguhnya Allah SWT mewajibkan sifat ihsan
serta menyempurnakan sesuatu dengan cara yang
terbaik dalam segala perkara.”*

(Riwayat Muslim)

Oleh hal yang demikian, konsep Islam, Iman, Takwa dan Ihsan merupakan landasan yang akan memimpin seseorang untuk beramal dan mendidik diri supaya berwaspada terhadap kerosakan akhlak, dan sebaliknya menjadi insan yang mempunyai sifat taat, tunduk, patuh, serta berserah diri kepada Allah sekali gus menunjukkan etika dalam diri mereka.

PELAKSANAAN ELEMEN ETIKA ISLAM DALAM PERKIDMATAN PERUBATAN

Dalam konteks pengertian perkhidmatan kesihatan berasaskan Islam, ia merupakan satu usaha untuk menjaga kemaslahatan pesakit dengan menitikberatkan Islam sebagai landasan utama dalam pelaksanaan sistem perkhidmatan tersebut (Ariffin, M. F. M., Ahmad, K. Ismail, M. Z., & Rosele, M. I., 2013).

Etika Islam itu sendiri tidak lari daripada istilah syariah yang sememangnya mempunyai hubungan rapat dalam menjelaskan pelaksanaan yang menjurus kepada perkhidmatan yang sempurna. Kemaslahatan manusia dapat diselesaikan dengan betul menerusi kaedah tertentu seperti menerusi model *Standard Operating Procedure* (SOP) berasaskan sistem Islam. Ia boleh juga menjadi sebagai asas panduan kepada para doktor dalam melaksanakan rawatan kepada pesakit. Menerusi kefahaman terhadap konsep etika Islam, doktor dapat mengelakkan diri mereka daripada melakukan kesilapan dan kesalahan dalam rawatan. Selain itu, amalan kerja berasaskan Islam akan dapat memberi jaminan dan menghasilkan kualiti perkhidmatan yang bermutu serta terlindung daripada kecuaiian. (Hashim Yahya, 2002).

Ini selaras dengan pengertian *as-Syariah* itu sendiri sebagaimana dalam kajian Siti Fariza, Hasanah, Irwan, & Azman (2016) yang mendefinisikan syariah sebagai satu sistem atau pengurusan umat manusia yang dijadikan sebagai panduan dan ikutan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti kehidupan. Ini dapat dilihat melalui pengertian perkataan syariah yang didapati berasal daripada perkataan *syara'a* (شرع). Ia merujuk kepada bekalan air yang menjadi sumber air minuman serta jalan yang telah digariskan oleh Allah SWT untuk manusia yang merangkumi unsur-unsur fahaman mazhab, hukum agama, dan akidah (<https://muftiwp.gov.my>).

Selanjutnya, syariah itu melibatkan keseluruhan keperluan hidup yang merangkumi kebajikan, bimbingan, ekonomi, budaya dan merupakan satu sistem yang lengkap serta mempunyai struktur bimbingan untuk membina etika manusia ke arah hidup yang

sempurna di dunia dan akhirat (Abdul Rauf, 2002). Ia dibuktikan pula menerusi asas sumber hukum utama iaitu (al-Quran dan hadis) di samping sumber sokongan iaitu (ijmak, qias, masalah, istihsan, *sadd zari'ah*, 'urf, maqasid syariah, siasah syar'iiyyah, takwil, *istiqra'* dan *talfiq*). Mengikut pandangan Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin (2013), prinsip syariah bertujuan mengurangkan kelemahan, menjaga kebajikan dan mengurangkan kemaslahatan serta pelengkap kepada sistem kehidupan umat manusia.

ELEMEN MAQASID AL-SYARIAH DALAM PERUBATAN

Antara objektif utama Maqasid al-Syariah adalah untuk menepati kepentingan dan keperluan bagi menjauhkan kemudaratan dalam kehidupan umat Islam. Kepentingan ini telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh para ulama seperti Imam Malik, Ahmad, Ibnu Majah, dan al-Hakim, menerusi kaedah fiqh (*qawa'id fiqhiyah*). Menurut pandangan Fadzillah, N. A., Haron, Z., Jandra, M., & Jamli, N. A. O. (2019), keterangan tersebut menjelaskan bahawa tidak boleh melakukan serta menyebabkan kemudaratan.

Ini demikian kerana Islam sentiasa mengutamakan yang benar dari segi prinsipnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah SWT. Prinsip ini juga melibatkan semua jalan yang boleh membawa kepada perkara haram. Walau bagaimanapun, Islam tetap berpendapat bahawa keadaan darurat diberi perhatian dan menghendaki manusia melakukan perkara-perkara yang dilarang hanya untuk menyelamatkan manusia dari kehancuran. Allah SWT menerangkan:

فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ
غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas, maka dia tidak berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”

(al-Baqarah, 173)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa prinsip rawatan telah terkandung dalam fiqh perubatan yang boleh dipraktikkan oleh doktor supaya ia selari dengan tuntutan syarak. Justeru, menerusi prinsip Maqasid al-Syariah, maka kita dapat mencapai matlamat untuk memenuhi kepentingan dan menjauhkan kemudaratan terhadap manusia. Maqasid al-Syariah telah menetapkan beberapa kaedah yang akan mencorakkan pelaksanaannya. Antara kaedah fiqh yang berkaitan dengan perubatan adalah:

Pertama: Untuk menghilangkan kemudaratan kepada diri sendiri dan orang lain. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang masyhur:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: *"Janganlah kamu memudaratkan diri sendiri dan memberi kemudaratan kepada orang lain"*

(al-Asybah wa al-Nazha'ir oleh al-Suyuti, hlm. 173-181)

Contohnya, pengambilan vaksin perlu diambil oleh bayi bagi mengelakkan mudarat ke atas bayi dalam jangka panjang kehidupan mereka. Begitu juga dengan rancangan imunisasi oleh kerajaan Malaysia terhadap rakyatnya bagi menghalang penyakit berjangkit (Al-Matrudi, 1429H). Ini bertepatan dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (2015) yang menetapkan hukum harus untuk pengambilan vaksin bagi menyekat penyebaran virus penyakit daripada merebak kepada manusia.

Kedua: Boleh melakukan perkara yang dilarang agama jika ia boleh mengelakkan terjadinya keadaan yang lebih buruk. Ini berdasarkan satu kaedah fiqh yang masyhur seperti berikut:

الضَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَخْطُورَاتِ

Maksudnya: *"Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang terlarang"*.

(al-Asybah wan Nazhoir, Ibn Nujaim, Hlm. 85)

Contohnya melalui kaedah ini, doktor akan mencadangkan penggunaan bahan atau ubat yang dikira sebagai tidak sah di sisi Islam dan dalam masa yang sama, Islam membenarkan doktor yang dipercayai kuat imannya dan mematuhi amalan agama serta mempunyai kepakaran bagi membuktikan bahawa tidak ada ubat halal lain yang boleh diambil (Mahaiyadin, M. H., & Suhaimi, R. (2019). Walau apapun, bagi perbuatan menamatkan hayat pesakit dalam keadaan tenat, yang tidak ada harapan untuk terus hidup sebelum disahkan meninggal dunia dengan menggunakan sebarang jenis perubatan adalah tidak dibenarkan kerana ia menyamai perbuatan membunuh. Selain itu, ia juga bertentangan dengan etika perubatan di Malaysia (Jakim, 2015).

Ketiga: Keadaan darurat itu ditentukan mengikut kadarnya sahaja. Ini berdasarkan sebuah kaedah yang masyhur iaitu:

الضَّرُورَةُ تُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا

Maksudnya: “*Darurat itu ditentukan mengikut
kadaranya sahaja*”

(al-Asybah wan Nazhoir, al-Suyuti,
Hlm. 184-186)

Contoh bagi kaedah di atas ialah pendedahan aurat kepada orang lain ketika menerima rawatan, yang mana seseorang itu dibenarkan untuk mendedahkan auratnya mengikut kadar keperluan bagi merawat sakitnya sahaja.

Pengamal perubatan perlu sentiasa berusaha untuk memberikan resolusi bagi menghilangkan kemudaratan aurat pesakit jika terdedah kepada perawat berlainan jantina. Jika ini membawa kemudaratan kepada pesakit, maka ia wajib diabaikan (al-Sa'idan, t.th.). Perbuatan mengabaikan aurat kerana merawat wanita hamil merupakan satu keperluan untuk menjaga masalah mereka dan mengelak serta meminimumkan sebarang *mafsadah*. Namun begitu, langkah untuk mencapai Maqasid al-Syariah ini memerlukan kepada perincian terhadap sesetengah prosedur yang melibatkan keperluan membuka aurat semasa rawatan diberikan. Syariah Islam ini jelas dilihat apabila ia terpakai untuk semua situasi dan masa. Untuk memastikan tercapainya Maqasid al-

Syariah yang memelihara masalah (kebaikan) dan mengangkat mafsadah (kebinasaan), hukum rukhsah diperlukan dalam melaksanakan tuntutan syarak ini agar ia lebih praktikal dan dapat diamalkan secara kontekstual.

Keempat: Apabila bertembung dua mafsadah (kerosakan), maka dibenarkan untuk melakukan mafsadah (kerosakan) yang lebih ringan kesannya, antara kedua-dua kerosakan tersebut. Ini berdasarkan sebuah hadis yang masyhur:

إِنَّ أَدْنَى الْمَفْسَدَتَيْنِ يُرْتَكَبُ مِنْ أَجْلِ دَفْعِ أَغْلَاهُمَا إِذَا كَانَ لَا بُدَّ مِنْ
مُوَافَقَةِ إِحْدَاهُمَا

Maksudnya: “*Sesungguhnya kerosakan yang lebih ringan antara dua kerosakan itu dilakukan dengan tujuan mengelakkan kerosakan yang lebih besar apabila tidak boleh untuk diharmonikan antara salah satu daripadanya*”

(al-Asybah wal-Nazhoir, al-Subki,
bil.1/45).

الضَّرَرُ الْأَشَدُّ يُزَالُ بِالضَّرَرِ الْأَخْفِ

Maksudnya: “*Kemudaratan yang lebih berat digantikan dengan kemudaratan yang lebih ringan*”

(Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah,
hlm. 199-200).

Contoh dalam perkara ini ialah apabila seorang doktor memberikan saranan kepada pesakitnya supaya kakinya dipotong demi mengelakkan penyakitnya merebak ke anggota badan yang lain. Ini bermakna, prinsip ini mengelakkan kemudaratan yang lebih besar kepada kemudaratan yang lebih kecil .

Kelima: Apabila berlaku kemudaratan, maka wajib dihilangkan kemudaratan tersebut. Ini berdasarkan hadis:

الضَّرَرُ يُرَال

Maksudnya: “Kemudaratan hendaklah dihilangkan”

(al-Wajiz fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Kulliyyah, hlm. 258).

Contoh bagi kaedah ini, sekiranya seseorang disahkan oleh doktor mempunyai tumor di bahagian tubuhnya yang boleh membahayakan nyawanya, maka jatuh hukum wajib mengeluarkan tumor dari tubuh pesakit. Berdasarkan prinsip untuk mencegah dan menghapuskan kemudaratan daripada pesakit, tindakan yang mesti dibuat apabila kemudaratan telah berlaku hendaklah bertujuan menghapuskan kemudaratan sepenuhnya (Al-Matrudi, 1429H).

Dalam isu menderma dan memindahkan organ bagi menyelamatkan pesakit seperti melaksanakan pemindahan jantung, mata, dan darah juga telah difatwakan sebagai harus (Azhar, A. 2020). Bagi kaedah autopsi dalam bedah siasat mayat, jika memenuhi keperluan, maka ia wajib diberi keutamaan berbanding kaedah bedah siasat yang diamalkan (JAKIM, 2015). Berkaitan isu khunsa, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menetapkan bahawa pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal iaitu perempuan adalah diharuskan oleh Islam sekiranya proses pembedahan tersebut tidak mendatangkan kemudaratan, sama ada dari aspek psikologi atau biologi individu tersebut.

Keenam: Kemudaratan dihindari daripada berlaku mengikut kadar kemampuan. Ini berdasarkan kaedah fiqh:

الضَّرَرُ يُدْفَعُ بِقَدْرِ الْإِمْتِكَانِ

Maksudnya: “Kemudaratan itu dihindari mengikut kadar kemampuan”

(al-Wajiz fi Idhah Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyyah, hlm. 258)

Pendekatan ini, yang sepatutnya digunakan mengikut kemampuan dan kesesuaian anda, boleh digambarkan dengan bahaya yang akan timbul jika anda mengalami berat badan berlebihan akibat kurang melakukan senaman fizikal setiap hari.

Ketujuh: Kemudaratan yang berlaku tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan yang sama sepertinya. Ini berdasarkan kaedah fiqah:

الضَّرَرُ لَا يُزَالُ بِمِثْلِهِ

Maksudnya: "*Kemudaratan itu tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan yang seumpama dengannya*"

(Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, hlm. 195-196).

Kaedah ini menetapkan bahawa bahaya tidak dapat dihilangkan dengan bahaya yang sama dengannya. Oleh itu, menghapuskan kemudaratan dengan menggunakan kemudaratan lebih besar daripada yang dilarang boleh dilaksanakan.

Bahaya hanya boleh dihilangkan dengan perkara yang tidak membawa bahaya atau bahaya yang lebih kecil daripada itu. Contoh kaedah ini ialah seseorang tidak dibenarkan mendermakan organ tubuhnya kepada orang lain untuk menyelamatkan nyawa orang tersebut sekiranya perbuatannya menyebabkan dia kehilangan nyawanya sendiri. Ini bertepatan dengan pandangan Al-Matrudi (1429H) yang menjelaskan bahawa dalam proses rawatan pesakit, doktor tidak boleh menghilangkan kemudaratan pesakit dengan menyebabkan kesan sampingan yang memudaratkan dengan tahap kemudaratan yang sama dengan kemudaratan pertama apatah lagi jika kesan sampingan itu menimbulkan kemudaratan yang lebih besar (Rosman, A. S., Fadzillah, & Jamli, N. A. O., 2019).

Kelapan: Sekiranya terdapat pertembungan antara perkara-perkara yang menyebabkan bahaya kepada orang ramai atau bahaya tertentu, maka dibenarkan untuk melakukan perkara-perkara yang membawa kepada bahaya, khusus untuk

mengelakkan berlakunya bahaya kepada orang ramai. Ini berdasarkan kaedah fiqah:

يُخَمَّلُ الضَّرَرُ الْخَاصُّ لِدَفْعِ ضَرَرٍ عَامٍ

Maksudnya: *"Kemudaratan kecil dilakukan bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan kepada umum"*

(al-Asybah wan Nazhoir oleh Ibn Nujaim, hlm. 96)

Contoh bagi keadaan ini ialah seseorang yang menghidap penyakit yang mudah berjangkit akan dikenakan perintah kuarantin bagi mengelakkan penyakit tersebut merebak kepada orang ramai.

Kesembilan: Apabila ada pertembungan antara kebaikan dan kejahatan, haruslah diberi keutamaan kepada kebaikan untuk mengelakkan bahaya daripada memperoleh kebaikan. Ini adalah berdasarkan kaedah fiqah yang masyhur seperti di bawah:

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جُلْبِ الْمَصَالِحِ

Maksudnya: *"Menghindari kerosakan harus lebih didahulukan daripada memperoleh kebaikan"*

(al-Asybah wan Nazhoir, al-Subki, bil. 1/105)

Contoh bagi kaedah ini ialah alkohol mempunyai manfaat tersendiri, tetapi ia mendatangkan lebih banyak keburukan dan kelemahan seperti menghilangkan fungsi fikiran dan memberi kesan buruk kepada kesihatan. Oleh sebab itu, Islam melarang mengambil minuman yang memabukkan untuk mengelakkan bahaya daripadanya walaupun terdapat sedikit manfaat di dalamnya. Begitu juga dengan tindakan yang menyebabkan kemudaratan khusus bagi mengelakkan masyarakat umum ditimpa mudarat seperti menghalang pengamal perubatan yang tidak mahir daripada terus melaksanakan tugasnya kerana boleh mendatangkan kemudaratan kepada pesakit sekalipun pesakit

terbabit memerlukan rawatan (Al-Matrudi, 1429H).

Kesepuluh: Hukum sesuatu perkara bergantung kepada niat seseorang itu. Ini berdasarkan kaedah fiqah yang masyhur seperti berikut:

الْأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا

Maksudnya: “*Setiap perkara bergantung kepada niatnya*”

(al-Asybah wan Nazhoir, al-Subki, bil. 1/105)

Contoh kepada kaedah ialah hukum pembedahan plastik bergantung pada niat orang yang akan menerima pembedahan tersebut. Sekiranya ia bertujuan kecantikan semata-mata, maka hukumnya haram. Namun, ia boleh dilakukan bagi tujuan perubatan dan rawatan, begitu juga dalam memenuhi kemaslahatan pesakit tetapi kesan kemudharatan adalah lebih dominan, maka rawatan itu tidak dibenarkan dan hukumnya adalah berdosa (Al-Matrudi, 1429H).

Jadual 9. 1: Elemen maqasid syariah dalam pengamalan perubatan

Elemen Maqasid Syariah	Sumber
a. Menghilangkan kemudharatan	al-Wajiz fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Kulliyyah (hlm. 258).
b. Harus melakukan yang terlarang	al-Asybah wan Nazhoir, Ibn Nujaim (hlm. 85)
c. Tidak memudaratkan diri sendiri dan orang lain	al-Asybah wa al-Nazha’ir oleh al-Suyuti (hlm.173-181)
d. Darurat mengikut kadarnya sahaja	al-Asybah wan Nazhoir, al-Suyuti (hlm. 184-186)

Elemen Maqasid Syariah	Sumber
e. Dibenarkan melakukan kerosakan yang lebih ringan kesannya	al-Asybah wal-Nazhoir, al-Subki (1/45).
f. Kemudahan yang lebih berat dengan kemudahan yang lebih ringan	Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah (hlm. 199-200).
g. Kemudahan dihindari mengikut kadar kemampuan	al-Wajiz fi Idhah Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyyah (hlm. 258)
h. Kemudahan tidak boleh dihilangkan dengan kemudahan yang sama	Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah (hlm. 195-196).
i. Kemudahan kecil dilakukan bagi mengelakkan kemudahan lebih besar	al-Asybah wan Nazhoir oleh Ibn Nujaim (hlm. 96)
j. Menghindari kerosakan didahulukan daripada memperoleh kebaikan	al-Asybah wan Nazhoir, al-Subki (1/105)

KESIMPULAN

Dalam bidang perubatan, perkara yang sangat dititikberatkan oleh Islam ialah proses rawatan penyakit yang dihadapi oleh seseorang. Manusia berpenyakit ialah manusia yang akan menghadapi gangguan untuk melakukan semua ibadah kepada Tuhan. Dalam hal perubatan ini, Maqasid al-Syariah menetapkan bahawa prinsip halal haram mestilah difahami bermula daripada pesakit hingga kepada pegawai perubatan dan mereka yang berurusan dengan klinik dan hospital. Persekitaran yang baik di pusat perubatan akan dapat memberikan perkongsian pengalaman, idea serta pengetahuan untuk memastikan keberkesanan dalam rawatan kesihatan.

Isu mengenai status ubat sama ada halal atau haram disebabkan ia mengandungi unsur-unsur haram atau najis seperti alkohol, mengandungi ramuan daripada binatang seperti babi, lembu dan seumpamanya perlu diberikan penerangan dan maklumat yang jelas kepada orang ramai. Oleh hal yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa sains perubatan adalah sangat penting dan mempunyai hubungan yang signifikan dalam menentukan pencapaian Maqasid al-Syariah. Ini demikian kerana maqasid itu sendiri akan dapat memenuhi lima keperluan asasi yang diperlukan bagi seseorang individu dan masyarakat dalam melaksanakan ibadah yang sempurna, memelihara keselamatan dan nyawa manusia sehingga boleh membina keluarga dan masyarakat yang sihat.

Selain itu, Muslim yang beramal dan melibatkan diri dalam sains perubatan dan kesihatan dapat memenuhi kepentingan (*maslahah*) manusia dan menghindari manusia daripada mudarat (*mafsadah*). Ini menggambarkan bahawa Maqasid al-Syariah asas panduan dalam melaksanakan pelbagai cabang kehidupan manusia. Peranannya dalam semua aktiviti kehidupan menjadi ukuran kepada syariah dengan mengikut keperluan manusia. Begitu juga dalam perubatan, ia sangat menitikberatkan keselamatan jiwa, mengelakkan kecacatan dan kesalahan ketika menerima rawatan daripada doktor perubatan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Al-Qaradawi, Y. (2000). The Lawful and the Prohibited in Islam. The Islamic Quarterly, 44(3), 198-200.

Ariffin, M. F. M., Ahmad, K., Rosele, M. I., & Ismail, M. Z. (2015). Pusat perubatan alternatif islam di Malaysia: Persepsi perawat terhadap aplikasi jin dalam rawatan. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 9, 61. 16

Ariffin, M. F. M., Ahmad, K., Samsudin, N. I., Ismail, M. Z., & Rosele, M. I. (2013). Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan.

- Fadzillah, N. A., Haron, Z., Ripin, M. N., Hehsan, A., Jandra, M., & Jamli, N. A. O. (2019). Fatwa & Sains Perubatan Modern Menurut Perspektif Maqasid Syariah (Fatwa & Modern Medical Sciences From The Perspective of Maqasid Syariah). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2).
- Hashim Yahya, "Sekuriti-Sekuriti yang Diluluskan Syariah: Kriteria dan Pendekatan" (kertas kerja Persidangan Tahunan Pegawai Syariah kali ke-4, Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan, 25 Ogos 2002).
- Hassan, R., & Rahman, H. A. (2015). Ethics in Islamic Economics: An Overview. *Humanomics*, 31(2), 176-187. <https://muftiwp.gov.my>
- Hussin, N. H. A. M. H. (2015). Country perspective on medical tourism: the Malaysian experience Noor Hazilah Abd Manaf Husnayati Hussin Puteri Nemie Jahn Kassim Rokiah Alavi Zainurin Dahari. *Leadership in Health Services*, 28(1), 43-56.
- Jonsen, A. R., Siegler, M., & Winslade, W. J. (2015). *Clinical Ethics: A Practical Approach to Ethical Decisions in Clinical Medicine* (8th ed.). McGraw-Hill Education.
- Kamali, M. H. (2008). Ethics and Medicine in Islam: Principles and Practice. *Journal of Medical Ethics and History of Medicine*, 1(1), 6-16.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam: Analisis Jurnal Intelek (2015) Vol 9(2): 26-36.
- Mahaiyadin, M. H., & Suhaimi, R. (2019). Model Penggunaan Produk Farmasuetikal Tidak Halal Ketika Darurah: The Consumption Model of Non-Halal Pharmaceutical Products During Harmful Condition. *Journal of Muwafaqat*, 2(2), 1-17.
- Rahman, M.K., Zailani, S. and Musa, G. (2018), "Tourists' satisfaction and loyalty intention at shariah compliance private hospitals in Malaysia", *International Journal of Tourism Sciences*, Vol. 18 No. 4, pp. 295-311

- Rosman, A. S., Fadzillah, N. A., Haron, Z., Ripin, M. N., Hehsan, A., Jandra, M., & Jamli, N. A. O. (2019). Fatwa & Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syariah (Fatwa & Modern Medical Sciences From The Perspective of Maqasid Syariah). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2).
- West, S. A., Griffin, A. S., & Gardner, A. (2007). Social semantics: altruism, cooperation, mutualism, strong reciprocity and group selection. *Journal of evolutionary biology*, 20(2), 415-432.

